



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**1 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 467 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 233,700 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Kota Kinabalu manakala masing-masing satu (1) kes di Kudat, Tuaran dan Lahad Datu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 464 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 223,313 orang. Manakala 1,447 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 623 orang di hospital, 797 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 24 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 71 orang merangkumi 69 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 43 (22.63%).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes harian terus meningkat hari ini dengan 467 kes, 66 kes lebih tinggi daripada kelmarin. Kota Kinabalu (+30) kes, Tuaran (+5) kes, Penampang (+5)kes, Beaufort (+15) kes dan Papar (+11) kes adalah antara 14 daerah yang merekodkan peningkatan.
- b. Satu kluster baharu yang melibatkan sekolah diisytiharkan hari ini. Kluster Sungai Batang, Sandakan melibatkan seorang pelajar Politeknik Sandakan yang didapati positif COVID-19. Saringan kontak rapat mendapati 23 orang lagi pelajar telah dijangkiti. Jumlah kumulatif kes positif setakat ini ialah 24 orang.
- c. Daripada 467 kes hari ini, 97.4% adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, empat (4) orang dalam Kategori 3, seorang dalam Kategori 4 dan dua (2) orang dalam Kategori 5. Lima (5) kes lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Seperti yang telah diumumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau R0/RT bagi seluruh negara setakat 30 Disember 2021 ialah 0.95 dan bagi Negeri Sabah, 0.96.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (257) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	11	2.36%
2	Bergejala	160	34.26%
3	Kontak	257	55.03%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	39	8.35%
<b>JUMLAH</b>		<b>467</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/11/2021	Catatan Kes 01/12/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	53	83	+30
2	Sandakan	3	20	+17
3	Beaufort	19	34	+15
4	Papar	23	34	+11
5	Ranau	10	20	+10
6	Sipitang	9	18	+9
7	Tawau	2	10	+8
8	Lahad Datu	5	11	+6
9	Tuaran	49	54	+5
10	Penampang	31	36	+5
11	Putatan	14	19	+5
12	Kota Marudu	26	28	+2
13	Telupid	1	3	+2
14	Tambunan	5	6	+1
15	Semporna	0	0	Mendatar
16	Nabawan	0	0	Mendatar
17	Kunak	0	0	Mendatar
18	Kalabakan	0	0	Mendatar
19	Kuala Penyu	23	9	-14
20	Kinabatangan	15	3	-12
21	Tenom	21	12	-9
22	Kudat	19	10	-9
23	Tongod	8	1	-7
24	Beluran	11	6	-5
25	Kota Belud	31	29	-2
26	Keningau	16	15	-1
27	Pitas	7	6	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>401</b>	<b>467</b>	<b>+66</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (17 November – 30 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	39	30	0	14	83	1,120
Tuaran	0	29	25	0	0	54	681
Penampang	0	31	3	0	2	36	517
Papar	0	25	9	0	0	34	393
Beaufort	0	22	10	0	2	34	317
Kota Belud	0	18	9	0	2	29	520
Kota Marudu	0	22	6	0	0	28	342
Ranau	0	4	10	0	6	20	424
Sandakan	11	4	4	0	1	20	122
Putatan	0	10	9	0	0	19	228
Sipitang	0	9	9	0	0	18	142
Keningau	0	6	8	0	1	15	225
Tenom	0	9	1	0	2	12	261
Lahad Datu	0	7	4	0	0	11	76
Kudat	0	6	4	0	0	10	177
Tawau	0	0	5	0	5	10	106
Kuala Penyu	0	5	3	0	1	9	158
Beluran	0	3	2	0	1	6	96
Pitas	0	0	4	0	2	6	71
Tambunan	0	4	2	0	0	6	113
Kinabatangan	0	3	0	0	0	3	234
Telupid	0	1	2	0	0	3	83
Tongod	0	0	1	0	0	1	62
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	9
Kunak	0	0	0	0	0	0	11
Nabawan	0	0	0	0	0	0	20
Semporna	0	0	0	0	0	0	9
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>257</b>	<b>160</b>	<b>0</b>	<b>39</b>	<b>467</b>	<b>6,517</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Sungai Batang	11
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sungai Batang - Sandakan merupakan kluster institusi pendidikan yang melibatkan pelajar daripada Politeknik Sandakan. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 19, yang bergejala demam dan batuk sejak 12 November 2021, disahkan positif dengan grading 100% dalam saringan RTK Antigen COVID-19 di klinik swasta pada hari yang sama. Saringan kontak rapat terhadap 29 pelajar serta dua (2) kakitangan mendapati 24 kes positif termasuk 11 kes baharu dalam kalangan pelajar asrama institusi berkenaan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,804 unit

- Hospital 1,343 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,971 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.12%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 01 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	449
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	13
<b>Jumlah</b>	<b>467</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Pakistan	1
United Kingdom	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	455
Bukan Malaysia	12
<b>Jumlah</b>	<b>467</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	88
Belum Menerima Vaksin	77
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	302
<b>Jumlah</b>	<b>467</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	37
6 to 11	47
12 to 17	25
18 to 25	82
26 to 59	223
>60	49
<b>Jumlah</b>	<b>467</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 30 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,173 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,854 orang adalah penduduk dewasa dan 319 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 30 November 2021 adalah seramai 2,440,476 orang. Ini meliputi 2,106,420 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.36% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,390,762 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,083,004 orang atau 75.51% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,236 orang atau 77.01% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 307,758 atau 70.91% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,550** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,282 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 107 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

#### 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,078 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 691 premis perniagaan dan 2084 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di 9 to 5 Boutique, Keapayan Central Plaza (1 Orang), My Florist, Keapayan Central Plaza (1 Orang) dan Central Shopping Plaza, Keapayan Ridge (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 333 Premis Perniagaan melibatkan 163 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 15 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 129 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Kinabalu	98.6%
2	Semporna	98.6%
3	Kota Marudu	98.6%
4	Kudat	98.6%
5	Keningau	98.6%
6	Beluran	98.6%
7	Beaufort	98.6%
8	Sandakan	98.6%
9	Kunak	98.5%
10	Tawau	98.5%
11	Tuaran	98.5%
12	Papar	98.5%
13	Tenom	98.5%
14	Penampang	98.5%
15	Sipitang	98.5%
16	Kota Belud	98.5%
17	Kinabatangan	98.5%
18	Lahad Datu	98.5%
19	Ranau	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**